

28 SEP 1996

Mahathir-Israel

TIADA HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL, KATA PM

Oleh: Syed Jamil Jaafar

NEW YORK, 28 Sept (Bernama) -- Malaysia tidak akan mengiktiraf Israel sehingga ia memenuhi semua perjanjian yang diberikannya semasa Tel Aviv menandatangani perjanjian damai dengan Palestine, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

"Sehingga itu, kita tidak boleh (mempunyai hubungan diplomatik),"katanya pada persidangan berita di sini Jumaat untuk mengulas mengenai perkembangan terbaru membabitkan rusuhan dan pembunuhan di Baitulmaqdis.

Lebih 60 orang, kebanyakannya rakyat Palestine, terbunuh dalam pertempuran itu yang merebak dari Tebing Barat ke Genting Gaza berikutan keputusan pihak berkuasa Israel membuka sebuah terowong yang mencabuli kesucian Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis.

Dr Mahathir berkata masalah di Palestine disebabkan oleh percubaan kerajaan Israel sekarang untuk "tidak menunaikan" perjanjian yang telah dimeterai oleh dua pihak.

"Jika kerajaan pengganti memungkiri perjanjian yang dibuat oleh kerajaan sebelumnya, tidak akan ada keselamatan bagi sesiapaapun," katanya.

"Sama ada anda menyukai atau tidak sesuatu perjanjian itu, anda harus melakukan mengikut rangka kerja perjanjian itu. Apa yang berlaku hari ini ialah kerajaan baru Israel (pimpinan Benjamin Netanyahu) enggan mengakui apa yang telah dipersetujui oleh kerajaan sebelumnya."

Ketika ditanya sama ada beliau menghubungi pemimpin Palestine Yasser Arafat untuk mengetahui perkembangan terkini mengenai keadaan itu, Dr Mahathir berkata setakat ini belum ada hubungan dengan kepimpinan Palestine kecuali di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di sini.

Malaysia dan anggota lain Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) semalam mengutuk tindakan Israel itu dan menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk segera bertindak menghentikan keganasan di Palestine.

Pada persidangan berita yang diadakan selepas beliau menyampaikan ucapan pada sesi ke-51 Perhimpunan Agung PBB, Dr Mahathir menjawab soalan mengenai perlumbaan senjata, reformasi PBB dan Internet.

Ketika menjawab saranan bahawa pembeli juga harus dipersalahkan seperti penjual bagi perlumbaan senjata, Dr Mahathir berkata dalam pasaran moden, kadangkala orang membeli barang yang mereka tidak perlukan kerana pengaruh periklanan.

"Satu daripada cara menjual senjata ialah membuat tawaran kepada sesebuah negara dengan berkata jika anda tidak beli, saya jualkannya kepada negara lain.

"Apabila negara itu membelinya, negara pertama kemudian diberitahu bahawa ia juga harus mempunyai senjata sebagai satu perseimbangan. Kemudian kita diberitahu bahawa rantau kita tidak selamat...Asia Tenggara, umpamanya, mempunyai masalah Spratly," katanya.

Apabila negara berkenaan mula mempunyai senjata sendiri, mereka dituduh melakukan perlumbaan senjata.

"Orang tahu mengenai pemasaran...walaupun kita tidak mahu membeli apa yang dijual mereka, kita akan mendapati diri kita akhirnya dipaksa untuk membeli," kata Perdana Menteri.

Mengenai kritikan Malaysia terhadap PBB dan apa yang akan dilakukannya mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menggunakan kedudukan negara sebagai pengerusi Perhimpunan Agung PBB untuk cuba mengemukakan beberapa cadangan tertentu.

Beliau berkata Malaysia menentang kuasa veto yang diberikan kepada lima anggota tetap Majlis Keselamatan PBB dan mahukan perhimpunan agung itu diberikan peranan yang lebih besar.

Dr Mahathir berkata PBB tidak lagi harus diikat dengan keputusan peperangan yang lepas memandangkan sudah 50 tahun berlalu dan sesetengah daripada juara peperangan itu tidak lagi kuat.

"Mengapa kita perlu menerima bahawa lima kuasa itu harus mempunyai kedudukan tetap dalam Majlis Keselamatan dan setiap satu daripadanya mempunyai kuasa veto terhadap 184 negara lain. Di manakah demokrasi yang diberitahukan kepada kita untuk diamalkan?"

Beliau berkata jika perlua ada kuasa veto, Malaysia mungkin menerima dua daripada lima anggota tetap itu atau dua anggota tetap dan sebuah negara bukan anggota tetap.

Dr Mahathir berkata banyak perkara yang telah dibawa keluar daripada skop PBB dan diputuskan di luar seperti Kumpulan Tujuh (G7) yang telah memberikan hak kepada diri mereka untuk menguruskan ekonomi dunia.

"Hasil daripada manipulasi mereka, hutang Malaysia meningkat dua setengah kali ganda. Mereka tidak pernah langsung berunding dengan kita sedangkan perkara seperti ini, yang menjejaskan semua orang, harus dipertimbangkan pada perhimpunan PBB."

Mengenai merebaknya pornografi dalam Internet, Dr Mahathir berkata Malaysia mahukan masyarakat antarabangsa mencapai perjanjian mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dimasukkan dalam sistem Internet.

"Secara alternatif, kita perlu membiayai penyelidikan untuk membuang kelucahan yang dimasukkan dalam Internet. Saya berpendapat adalah satu jenayah bagi orang berkenaan memasukkan pornografi dalam Internet, yang kita tahu mudah digunakan oleh kanak-kanak.

"Mereka akan mencemarkan pemikiran kanak-kanak dan memusnahkan kebudayaan orang lain. Dunia harus bersatu dan menetapkan standard bagi komunikasi antarabangsa terutamanya menerusi Internet."

Perdana Menteri berlepas ke London petang ini untuk penerbangan pulang ke Malaysia. -- BERNAMA

SJ NAK